

# ORREPASTE

Triamcinolone Acetonide (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Orrepaste
2. Bagaimana Orrepaste berfungsi
3. Sebelum mengambil Orrepaste
4. Cara menggunakan Orrepaste
5. Semasa menggunakan Orrepaste
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Orrepaste
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Orrepaste. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Orrepaste berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Orrepaste

Orrepaste adalah pes oral digunakan sebagai rawatan tambahan dan sementara untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan radang mulut dan ulser akibat daripada trauma.

## Bagaimana Orrepaste berfungsi

Orrepaste mengandungi kortikosteroid Triamcinolone. Triamcinolone mengurangkan tindakan bahan kimia dalam badan yang menyebabkan keradangan, kemerahan dan bengkak.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Orrepaste

-Bila tidak boleh mengambil  
Alahan kepada Triamcinolone Acetonide dan Propylene Glycol atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Jika anda mempunyai tuberkulosis (jangkitan kuman terutamanya pada paru-paru), ulser di dalam saluran pencernaan, kencing manis, jangkitan kulat, virus atau kuman di mulut atau kerongkong.

Jika bungkus menunjukkan tanda-tanda diusik.

Jika tarikh luput (EXP) dicetak pada pek telah berlalu.

-Sebelum mula mengambil  
Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusui badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain  
Beritahu ahli farmasi atau doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi, ubat yang dipreskripsikan dan produk herba

## Cara menggunakan Orrepaste

-Berapa banyak harus digunakan  
Sapukan sedikit (kira-kira ¼ inci) pada luka/ulser sebelum tidur. Ia mungkin perlu untuk menyapu ubat dua hingga tiga kali sehari bergantung kepada keterukan gejala yang ditunjukkan.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

-Bila perlu digunakan  
Sebelum tidur.

## -Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan Orrepaste seperti yang dicadangkan oleh doktor anda.

Rawatan susulan selepas 7 hari diperlukan jika pertumbuhan semula atau pemulihan tisu mulut yang ketara tidak berlaku.

## -Jika terlupa menggunakan

Jangan bimbang jika anda lupa untuk menggunakan produk, terus menggunakannya apabila anda ingat.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kortikosteroid yang digunakan pada kulit boleh diserap pada kuantiti mencukupi untuk menghasilkan kesan sistemik seperti *hypothalamic-pituitary-adrenal axis suppression*, *Cushing's syndrome* (paras hormon tinggi), *hyperglycaemia* (lebih glukosa dalam darah) dan *glycosuria* (lebih gula dalam kencing).

Jika *hypothalamic-pituitary-adrenal axis suppression* didapati, hentikan penggunaan, kurangkan kekerapan sapuan atau gunakan steroid yang lebih lemah untuk rawatan.

Kortikosteroid sistemik tambahan mungkin diperlukan jika gejala pengunduran steroid berlaku.

## Semasa menggunakan Orrepaste

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa anda menggunakan Orrepaste, beritahu doktor anda. Jika anda akan mula mengambil apa-apa ubat-ubatan baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang menggunakan Orrepaste.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Apabila digunakan secara topikal, terutamanya di kawasan yang besar, apabila kulit luka, atau di dalam balutan, kortikosteroid mungkin diserap dalam jumlah yang mencukupi yang

# ORREPASTE

Triamcinolone Acetonide (0.1% w/w)

---

menyebabkan kesan sistemik. Hentikan penggunaan jika reaksi di tempat penggunaan berlaku. Tindak balas normal badan akan mengurang pada orang yang menerima terapi kortikosteroid topikal.

Jangan berikan Orrepaste kepada orang lain, walaupun mereka mengalami gejala yang sama seperti anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena mata.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Orrepaste boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Jika ia berlaku, kebanyakannya adalah ringan dan sementara. Walaubagaimanapun, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Penggunaan yang berpanjangan boleh menyebabkan tindak balas yang akan berlaku dengan persediaan steroid sistemik sebagai contoh, penekanan pada kelenjar adrenal, dan perubahan pada metabolisme glukosa, pemecahan protein, ulser di dalam salur pencernaan menjadi aktif dan lain-lain. Ini biasanya akan hilang apabila hormon dihentikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/ Vaccine Safety).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Orrepaste**

### -Penyimpanan

Untuk penggunaan luar sahaja. Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna

Orrepaste adalah pes berwarna hijau muda dengan rasa dan bau pudina .

Orrepaste boleh didapati dalam tiub aluminium 5g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi Triamcinolone Acetonide 0.1% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Quinoline Yellow, Brilliant Blue FCF, Sorbitol 70% Solution, Purified Water, Peppermint Oil, Pectin, Propylparaben, Methylparaben, Sodium Polyacrylate, Propylene Glycol, Sodium Carboxymethylcellulose

### -Nombor MAL:

MAL19990624AZ

## **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

-02/08/2017

## **Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)240717/00183